

STRATEGI PEMERKASAAN IDENTITI NASIONAL MENERUSI KERANGKA MALAYSIA MADANI: ANALISIS TEORETIKAL DALAM KONTEKS KEPELBAGAIAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

STRATEGIES FOR STRENGTHENING NATIONAL IDENTITY THROUGH THE MALAYSIA MADANI FRAMEWORK: A THEORETICAL ANALYSIS IN THE CONTEXT OF MALAYSIA'S SOCIETAL DIVERSITY

Muhammad Adam Raihan Mohd Nasir¹
Ermy Azziaty Rozali²
Anwar Muttaqin³
Roziyah Sidik⁴
Ezad Azraai Jamsari^{5*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: P146072@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ermy@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: anwar86@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: roziyah@ukm.edu.my)

⁵ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

*Corresponding author: ezad@siswa.ukm.edu.my

Article history

Received date : 4-3-2026
Revised date : 5-3-2026
Accepted date : 1-4-2026
Published date : 8-4-2026

To cite this document:

Mohd Nasir, M. A. R., Rozali, E. A., Muttaqin, A., Sidik, R., & Jamsari, E. A. (2026). Strategi pemeraksanaan identiti nasional menerusi kerangka Malaysia Madani: Analisis teoretikal dalam konteks kepelbagaian masyarakat di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 585 – 605.

Abstrak: *Malaysia merupakan sebuah negara yang terbina daripada masyarakat multietnik. Sebagai sebuah negara majmuk, pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat awam dan pihak kerajaan dalam usaha membentuk serta memperkasa identiti nasional yang inklusif. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen strategi yang efektif dalam memperkasa identiti nasional menerusi pendekatan teori nasionalisme dan kerangka Malaysia Madani. Analisis kandungan dilakukan dengan mendapatkan data serta maklumat daripada sumber kepustakaan seperti artikel ilmiah, buku dan akhbar. Fokus kajian ditumpukan kepada takrifan dan elemen pembentukan identiti nasional serta kefahaman mengenai kerangka Malaysia Madani. Dapatan awal menunjukkan masyarakat Malaysia berkongsi memori kolektif sejarah yang sama. Oleh itu, matlamat pembinaan negara bangsa dengan menetapkan satu identiti nasional inklusif menjadi titik tolak terhadap usaha membentuk perpaduan kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Selain itu, kerangka Malaysia Madani dilihat*

mempunyai potensi sebagai alat strategik dalam memperkasakan identiti nasional serta jati diri kebangsaan menerusi pendekatan beberapa teori nasionalisme. Justeru, kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengaplikasian strategi yang efektif dalam menangani isu-isu perpecahan identiti nasional sekali gus mampu memperkukuhkan rasa kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik.

Kata Kunci: *Identiti Nasional; Malaysia Madani; Kepelbagaian Masyarakat; Teori Nasionalisme*

Abstract: *Malaysia is a nation built upon a multi-ethnic society. As a plural society, various challenges are faced by both the public and government in efforts to shape and strengthen an inclusive national identity. This study aims to identify effective strategic elements in empowering national identity through the lens of nationalism theory and the Malaysia Madani framework. Content analysis was conducted by collecting data and information from library sources, including scholarly articles, books, and newspapers. The study focuses on the definition and elements of national identity formation as well as an understanding of the Malaysia Madani framework. Preliminary findings indicate that Malaysians share a collective memory of a common history. Accordingly, the goal of nation-building through establishing an inclusive national identity serves as a pivotal foundation for fostering cohesion among Malaysia's diverse society. Furthermore, the Malaysia Madani framework is identified as having potential as a strategic tool to strengthen national identity and patriotism through the application of various theories of nationalism. This study is expected to contribute to the implementation of effective strategies in addressing issues of fragmented national identity, while simultaneously reinforcing a sense of belonging among Malaysians of diverse ethnic backgrounds.*

Keywords: *National Identity; Malaysia Madani; Societal Diversity; Theories of Nationalism*

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terbina daripada kepelbagaian etnik. Konsep masyarakat majmuk yang telah dibawa sejak pemerintahan British ini telah menjadi dasar utama dalam membentuk perpaduan sebagai sebuah negara bangsa yang makmur dan harmoni. Menurut naratif sejarah, negara ini terbina berlandaskan konsep *host and settler*, iaitu istilah yang merujuk kepada hubungan tuan rumah dengan *settler*, iaitu pendatang yang menetap di kawasan tuan rumah yang lengkap daripada segi sistem dan adat masyarakat ketamadunan. Kedatangan British yang membawa masuk buruh asing dari negara China dan India telah mengubah sistem, demografi serta lanskap masyarakat di Tanah Melayu (Shamsul & Athi, 2009).

Taburan kepelbagaian etnik ini telah memberi pengalaman baharu kepada golongan peribumi untuk saling berhubung dan bersaing daripada segi sosial, pendidikan, politik serta ekonomi. Kerajaan British telah membahagikan kedudukan sosial masyarakat kepada beberapa kategori mengikut etnik, pekerjaan dan tempat tinggal. Setelah masyarakat global menerima kesedaran nasionalisme dan anti-imperialisme, masyarakat pelbagai kaum di Tanah Melayu mula membentuk perpaduan demi meraih kemerdekaan daripada kuasa jajahan British. Kesedaran perpaduan ini tercetus melalui sikap nasionalisme dan patriotisme setiap rakyat meskipun terdiri daripada pelbagai ras dan latar belakang. Melalui kebangkitan nasionalisme, proses identiti nasional mula terbentuk (Othman, 2008).

Setelah kemerdekaan berjaya dicapai, pembinaan negara dan warganegara terus digiatkan menerusi kebangkitan semangat patriotisme serta pembentukan nilai jati diri. Usaha pemupukan jati diri dan semangat patriotisme ini sering dikaitkan dengan usaha-usaha memperingati sejarah tanah air. Selain bahasa dan budaya, sejarah juga menjadi aset yang penting sebagai panduan pembinaan identiti nasional sesebuah negara (Smith, 1991). Hal ini kerana, memori kolektif sejarah yang dikongsi bersama menjadi teras mental terhadap kesedaran awam untuk membina identiti nasional yang kukuh sekali gus menyatukan masyarakat pelbagai kaum (Wiyono & Udayana, 2024). Justeru, usaha menghargai sejarah direalisasikan oleh pihak kerajaan menerusi sistem pendidikan dengan menekankan subjek sejarah sebagai subjek utama yang wajib diambil oleh semua pelajar. Silibus buku teks sejarah juga disusun secara sistematik selari dengan naratif sejarah perkembangan tanah air.

Melalui pemupukan semangat patriotisme, pembinaan jati diri dan identiti nasional dapat dibentuk. Definisi identiti nasional difahami menerusi pelbagai takrifan dinamik yang dijelaskan oleh para ilmuwan. Menurut Smith (1991), identiti nasional dilihat sebagai satu fenomena ahli yang hidup dalam sesebuah sempadan politik atau geografi. Mereka juga mempunyai semangat kekitaan yang dikongsi secara bersama. Menurut signifikasi negara Malaysia, takrifan identiti nasional adalah bersifat tafsiran autoriti yang dibina oleh pemimpin menerusi slogan atau gagasan politik. Sebagai contoh, mantan Perdana Menteri keempat iaitu Tun Dr. Mahathir telah menggunakan slogan Bangsa Malaysia pada 1991 sebagai landasan untuk menuju matlamat Wawasan 2020 (Ismail et al., 2019).

Mutakhir ini, kerajaan perpaduan yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan kerangka Malaysia Madani sebagai gagasan yang menjadi teras dalam pentadbiran Malaysia alaf baharu. Menurut Zulfiani (2019), teori Malaysia Madani adalah berteraskan pemikiran Anwar Ibrahim tentang pentingnya masyarakat yang mengamalkan keadilan, keihisan dan kebenaran dalam semua aspek kehidupan seperti sosio-budaya, ekonomi serta politik. Secara konseptualnya, pemikiran politik Islam di Malaysia dipengaruhi oleh pemikir revivalis Muslim seperti Maududi, Hasan al-Banna, dan Sayyid Qutb (Zulfiani, 2019). Oleh itu, konsep Malaysia Madani juga ditegaskan berasal daripada acuan konsep politik Islam. Dasar kerangka ini mendapat perhatian daripada rakyat dengan harapan agar kerangka Malaysia Madani mampu memberi perspektif yang positif terutama dalam memupuk perpaduan serta mengukuhkan identiti nasional masyarakat berbilang kaum.

Tinjauan Literatur

Satu tinjauan literatur dilaksanakan dengan menganalisis sumber kajian lepas yang membincangkan tentang konsep identiti nasional dan konsep ideologi madani. Menerusi hasil data yang didapati, terdapat tiga tema yang diklasifikasikan dalam huraian kajian ini. Ketiga-tiga tema tersebut merangkumi aspek kefahaman dan kepentingan identiti nasional, elemen pembentukan identiti nasional serta konsep pelaksanaan kerangka Malaysia Madani.

Kefahaman dan Kepentingan Identiti Nasional

Identiti adalah sesuatu yang merujuk kepada ciri-ciri, sifat-sifat atau elemen yang menentukan diri seseorang itu. Menurut Hall (1992), identiti didefinisikan sebagai sesuatu yang tidak tetap namun sentiasa berubah-ubah. Memetik daripada *Oxford English Dictionary* (2023), frasa *national* merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan keseluruhan bangsa atau negara termasuklah aspek budaya, politik dan ekonomi. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* pula, nasional ditakrifkan sebagai perkara yang berkaitan dengan bangsa dan kebangsaan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa penemuan hasil kajian lepas yang

membincangkan tentang konsep pemahaman dan takrifan identiti nasional di Malaysia menerusi aspek definisi, faktor nasionalisme dan pandangan menurut penyelidikan Islam.

Definisi Identiti Nasional melalui Konteks Malaysia

Definisi identiti nasional difahami melalui perspektif beberapa ahli ilmuwan penyelidik seperti Smith (1991) yang menyatakan bahawa identiti nasional dilihat sebagai satu fenomena ahli yang hidup dalam sesebuah sempadan politik atau geografi. Mereka juga mempunyai semangat kekitaan yang dikongsi secara bersama. Semangat kekitaan juga ditakrifkan sebagai semangat '*asabiyyah*' seperti mana yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (1967). Terdapat dua bentuk semangat kekitaan yang diterjemahkan menerusi konsep '*asabiyyah*'. Pertama adalah individu yang menerima dan mengamalkan '*asabiyyah*' kaum tempat menetapnya yang baharu setelah meninggalkan kaum asalnya (*clientship*). Manakala bentuk kedua ialah hubungan yang didasari hubungan hamba abdi dan hubungan untuk mendapatkan perlindungan (*alliance*) (Alatas, 2013).

Identiti digambarkan sebagai sesuatu yang dinamik dan kompleks. Ia juga terus berubah-ubah dalam menghadapi cabaran sosial, politik, dan budaya (Lim et al., 2020). Berdasarkan signifikansi negara Malaysia, takrifan identiti nasional adalah bersifat tafsiran autoriti yang dibina oleh pemimpin menerusi slogan atau gagasan politik. Sebagai contoh, mantan Perdana Menteri keempat iaitu Tun Dr. Mahathir telah menggunakan slogan Bangsa Malaysia pada 1991 sebagai landasan untuk menuju matlamat Wawasan 2020 (Ismail, 2019). Namun begitu, sesebuah tamadun yang terdiri daripada masyarakat multietnik tidak mungkin bersatu kecuali dengan satu mekanisme iaitu perkongsian satu semangat kekitaan melalui ciri sepunya serta tujuan dan matlamat yang sama (Tohar et al., 2020). Justeru, identiti nasional masyarakat Malaysia yang berbilang kaum terbina atas dasar perkongsian kolektif sejarah, warisan budaya dan adat tradisi serta disokong dengan dasar politik yang dibina oleh kerajaan semasa.

Menerusi takrifan identiti nasional Malaysia, unsur kemelayuan menjadi penentu utama sejak era Persekutuan Tanah Melayu lagi. Konsep ketuanan Melayu terus dimartabatkan dengan menegaskan hak politik dominan bangsa Melayu sebagai penduduk asal. Tambahan pula, pewaris kuasa raja-raja Melayu berakar dari sejarah kerajaan Melayu sebelum terbentuknya negara Malaysia dan pendirian ini disokong melalui akta perlembagaan seperti Artikel 153 (Marzali, 2021). Hal ini kerana pemahaman tentang identiti nasional signifikan dengan konsep ideologi negara bangsa. Secara umumnya, bangsa difahami sebagai kelompok manusia yang berkongsi budaya, bahasa, sejarah dan aspirasi. Seperti mana yang termaktub dalam naratif sejarah, negara Malaysia terbina daripada keagungan sejarah ketamadunan Melayu. Bukti keagungan Melayu dapat dilihat menerusi tradisi intelektual yang tercatat melalui persuratan Melayu seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor*. Hal ini menggambarkan tradisi politik, budaya dan sastera tamadun Melayu menjadi panduan serta rujukan kepada pembinaan identiti nasional di kemudian hari (Nordin, 2022). Justeru, bangsa Melayu menjadi asas dan lambang yang besar dalam pembinaan bangsa negara Malaysia.

Faktor Nasionalisme dan Semangat Kebangsaan

Menurut Mustafa (2002), proses pembinaan negara atau nation-building adalah usaha dalam membentuk identiti nasional yang mampu menampung kepelbagaian etnik dengan semangat kebangsaan yang ditanam secara menyeluruh. Pembinaan negara dan bangsa juga bukan sekadar terbina menerusi entiti politik dan geografi, malah pembentukan negara bangsa terbentuk daripada identiti kolektif yang terdiri daripada sejarah, bahasa serta budaya (Razali

et al., 2020). Proses dan kronologi sejarah yang panjang memberi implementasi kepada pembentukan negara bangsa dan identiti nasional sesebuah masyarakat. Kesan kolonialisme dan kebangkitan nasionalisme menjadi impak yang paling utama dalam pembentukan identiti nasional. Hal ini kerana kedua-dua situasi tersebut menyumbang kepada kesedaran masyarakat terhadap pembinaan jati diri serta negara yang sewajarnya diuruskan oleh bangsa sendiri. Perkara ini dipengaruhi oleh ahli pemikir Islah dari Timur Tengah yang menekankan pembebasan daripada kolonialisme melalui kombinasi pendidikan moden, pembaharuan politik dan keadilan ekonomi sekali gus menyokong gerakan kemerdekaan serta pembinaan negara umat Islam (Hadziq & Muzadi, 2025). Justeru, tercetuslah ideologi kemerdekaan dan pembinaan negara moden dengan memartabatkan pembangunan pendidikan, ekonomi serta politik mengikut acuan bangsa sendiri.

Identiti nasional adalah rasa kebersamaan yang dikongsi oleh seluruh masyarakat berbilang kaum. Dalam kenyataan Jamil (2005) menyatakan bahawa pembinaan identiti nasional seharusnya didasari oleh semangat '*asabiyyah* atau persahabatan tanpa mengira latar belakang kaum, keturunan dan warna kulit. Berlandaskan konteks kerangka Malaysia Madani, pembentukan identiti nasional bertujuan untuk mengurangkan jurang antara masyarakat pelbagai kaum di samping menghindari konflik yang mampu menggugat keharmonian negara. Seterusnya, pembentukan identiti nasional berpotensi untuk membina kesedaran kebangsaan yang kukuh sekali gus melahirkan masyarakat Malaysia yang sarat dengan nilai-nilai positif seperti hormat-menghormati, toleransi, tanggungjawab, rasional dan patriotik.

Kajian Ismail et al. (2019) pula menyatakan bahawa pemahaman terhadap identiti nasional juga ditakrifkan sebagai proses pembinaan satu kesedaran kolektif rakyat terhadap kewujudan satu bangsa yang bersatu serta mempunyai matlamat bersama dalam sebuah negara yang berdaulat. Dalam konteks ini, pengkaji menekankan bahawa identiti nasional merujuk kepada rasa kebersamaan, kesetiaan terhadap negara dan pembentukan nilai-nilai yang mencerminkan aspirasi kebangsaan. Melalui kajian ini juga, pendidikan sivik ditekankan sebagai elemen penting dalam pembentukan identiti nasional masyarakat Malaysia. Hal ini kerana pendidikan sivik mampu mendidik masyarakat khususnya golongan belia tentang hak dan tanggungjawab sebagai warganegara, meningkatkan keterlibatan dalam masyarakat serta membentuk sikap yang mementingkan kepentingan bersama melebihi kepentingan peribadi (Ismail et al., 2019).

Identiti nasional juga dikenali sebagai etos nasional. Hal ini diterangkan oleh Ismail et al. (2021) dalam artikel mereka yang bertajuk Pembentukan Etos Nasional Belia Malaysia: Wadah Pembinaan Negara-Bangsa. Kenyataan etos nasional ditakrifkan sebagai watak, nilai, sikap, identiti dan kepercayaan yang dikongsi oleh masyarakat. Konsep etos ini mengikat individu dengan negara sekali gus mencerminkan mereka sebagai warganegara yang sah. Dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat multietnik, etos nasional atau pembentukan identiti nasional merupakan pengikat sosial yang menyatukan rakyat pelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya. Antara usaha kerajaan yang dilihat mampu memberi impak efektif dalam membentuk identiti nasional adalah pelaksanaan program PLKN (Ismail et al., 2021). Kendatipun pembentukan identiti nasional dilihat sudah terbina namun ianya masih perlu diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

Konsep etos nasional yang dibincangkan mempunyai empat elemen utama yang berpotensi dalam pembentukan identiti nasional masyarakat Malaysia. Ismail et al. (2021) turut menjelaskan maksud di sebalik setiap dimensi utama etos nasional agar bertepatan dengan keperluan serta kefahaman identiti nasional masyarakat di Malaysia:

1. Nilai bersama: Nilai ini membantu dalam membentuk ikatan yang kukuh antara masyarakat pelbagai kaum di Malaysia berteraskan sikap kerjasama, hormat, toleransi disiplin diri dan demokrasi.
2. Semangat kebangsaan: Elemen ini menanamkan jiwa patriotisme dan semangat nasionalisme dengan merangkumi rasa kebersamaan serta kebanggaan diri menjadi warganegara Malaysia.
3. Kepercayaan bersama: Keyakinan terhadap perkongsian kolektif sejarah dan masa hadapan yang sama di samping bersatu di bawah perlembagaan undang-undang, dasar negara serta kepimpinan negara yang sama.
4. Identiti kebangsaan: Melibatkan penerimaan konsep bangsa Malaysia, penggunaan bahasa kebangsaan, pemertabatan simbol negara dan sokongan terhadap produk tempatan.

Identiti Nasional menurut Perspektif Islam

Menerusi perspektif ideologi Islam, identiti nasional dilihat sebagai satu mekanisme dalam membentuk semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat. Ideologi ini diambil daripada pemikiran tokoh Islam terkemuka iaitu Ibnu Khaldun (1967) yang memperkenalkan konsep '*asabiyyah*' sebagai satu pemahaman yang signifikan dengan konteks identiti nasional. Konsep '*asabiyyah*' adalah solidariti sosial yang mengikat satu kelompok masyarakat. Sesebuah kerajaan akan menjadi lebih kuat dan kukuh kerana masyarakat bangsa di dalamnya mempunyai semangat '*asabiyyah*'. Ibn Khaldun (1967) menekankan kekuatan '*asabiyyah*' sebagai faktor penentu kepada jatuh bangun sesebuah tamadun yang berlaku secara kitaran. Hal ini kerana definisi '*asabiyyah*' merangkumi pemahaman yang sangat luas terhadap konsep patriotisme, nasionalisme dan elemen-elemen yang berkaitan dalam pembentukan identiti nasional.

Alatas (2013) juga menyatakan '*asabiyyah*' turut terbentuk disebabkan oleh tempoh kepanjangan waktu bersama dan perkongsian pengalaman ahli masyarakat. Perkongsian pengalaman ini turutlah merangkumi memori kolektif sejarah, warisan budaya, emosi dan adat tradisi. Antara ciri-ciri semangat kekitaan atau '*asabiyyah*' yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun adalah ketaatan dan kesetiaan serta perasaan saling sayang menyayangi sesama ahli dalam sesebuah kelompok yang membawa kepada perlakuan tolong-menolong. Selain itu, '*asabiyyah*' juga memupuk nilai bekerjasama, hormat-menghormati, saling mengamalkan hidup sederhana, patuh kepada norma dan pemimpin, berani menegakkan kebenaran serta berani menegakkan tuntutan untuk kepentingan bersama (Tohar et al., 2020). Secara signifikannya, konsep '*asabiyyah*' sangat sinonim dengan pola kehidupan masyarakat Malaysia yang hidup secara berkumpulan mengikut ras dan komuniti masing-masing. Namun begitu, perpaduan dan sikap toleransi masih dapat dibentuk dalam kalangan masyarakat multietnik di Malaysia.

Di samping itu, Ambya et al. (2025) meletakkan pendidikan Islam sebagai instrumen utama dalam mengekalkan nilai-nilai etika, memperkukuh perpaduan sosial dan menyemai nilai kebanggaan terhadap warisan budaya kebangsaan. Tambahan pula, dalam konteks penubuhan negara Malaysia, identiti nasional secara dominannya dihiasi dengan integrasi nilai-nilai Melayu-Islam yang sudah berakar dalam tradisi tempatan sejak berkurun lamanya. Justeru, pemahaman terhadap identiti nasional tidak hanya terhad kepada memori kolektif kebangsaan dan pengenalan simbol negara semata-mata. Bahkan identiti nasional turut dikenali sebagai proses berterusan yang melibatkan pemeraksanaan agama, kelestarian budaya, pemupukan moral serta keseimbangan antara kemajuan dan pemeliharaan warisan.

Elemen Pembentukan Identiti Nasional

Pembinaan strategi pemeraksanaan identiti nasional yang berkesan memerlukan perancangan yang rapi dengan merangkumkan segala elemen dan faktor pembentukan identiti nasional. Menerusi penemuan kajian lepas, beberapa elemen dapat dikenal pasti sebagai potensi yang berkesan dalam keberkesanan pembinaan strategi pemeraksanaan identiti nasional dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Antara elemen-elemen yang difokuskan dalam kajian ini adalah kelestarian budaya dan keistimewaan etnik, pengukuhan bahasa kebangsaan, pemeraksanaan sistem pendidikan negara serta pengaruh dan peranan platform media sosial.

Kelestarian Budaya dan Keistimewaan Etnik

Antara isu-isu yang diketengahkan dalam elemen pemeraksanaan identiti nasional masyarakat Malaysia adalah menerusi beberapa kajian lepas yang secara konseptualnya didasari dengan identiti bangsa Melayu. Keistimewaan etnik Melayu dalam naratif budaya sejarah Malaysia disokong dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Agama Islam tersebar di Nusantara melalui aktiviti perdagangan di Selat Melaka dengan pedagang dan pendakwah Muslim. Bahasa Melayu yang menerima pengaruh Islam dan berevolusi dengan tulisan Arab telah menjadi *lingua franca* antara para pedagang. Islam dan bahasa Melayu menjadi komponen penting dalam menghubungkan laluan perdagangan antara India dan China sekali gus mengukuhkan hubungan pedagang Muslim dan bukan Muslim di rantau Nusantara (Mahfud et al., 2021). Menurut Ramli dan Wahid (2019), terdapat empat elemen yang diperlukan dalam pembinaan identiti bangsa Melayu iaitu budaya alam Melayu, imej tradisional bangsa Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar serta pengamalan agama Islam yang terserlah budi dan pekertinya. Secara konseptualnya, keempat-empat elemen tersebut juga boleh direalisasikan dalam pembentukan identiti bangsa selain Melayu. Justeru, elemen-elemen tersebut mampu menjadi tunggak dalam mengukuhkan identiti nasional setiap kaum Malaysia.

Muhyidin dan Badruzaman (2024) juga menegaskan bahawa Islam dan Melayu tidak dapat dipisahkan daripada sejarah dan budaya Malaysia. Hal ini kerana pengaruh Melayu dan Islam telah tertanam lama dalam sistem perundangan, adat resam, struktur bahasa dan ideologi sosial negara. Artikel Muhyidin dan Badruzaman (2024) yang bertajuk *The Relation of Malaysian Malay Islamic Culture to National Identity and Ideology "Pillar of the Nation"* menyatakan terdapat tiga ciri utama Melayu iaitu beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Situasi ini menggambarkan bahawa agama dan budaya Melayu dikodifikasikan sebagai asas identiti nasional masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Selain itu, artikel ini juga menjelaskan bahawa pembentukan identiti nasional disignifikasikan dengan penghayatan Rukun Negara. Isi kandungan pertama Rukun Negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan membuktikan bahawa agama merupakan teras yang paling utama dalam pembangunan Malaysia di samping berperanan sebagai elemen penting dalam pemeraksanaan identiti nasional (Muhyidin & Badruzaman., 2024).

Dalam isu yang mengetengahkan aspek elemen budaya dan bidang seni bina, Hilmee dan Kosman (2023) mengkritik dominasi gaya seni bina luar yang tidak menyesuaikan diri dengan konteks budaya, iklim dan sejarah Malaysia. Ketiadaan garis panduan jelas serta pengaruh globalisasi telah membawa kepada penciptaan ruang fizikal yang tidak mencerminkan jiwa masyarakat tempatan. Frampton (1983) menekankan bahawa seni bina bukan sekadar fizikal bangunan, akan tetapi turut difahami sebagai satu bentuk komunikasi budaya yang menggambarkan nilai, gaya hidup dan jati diri sesebuah masyarakat. Oleh itu, pembangunan kerangka seni bina nasional yang menggabungkan unsur budaya tempatan secara kreatif dan kontekstual perlu dilihat sebagai satu strategi penting dalam memperkasakan identiti nasional.

Agama Persekutuan, Bahasa Kebangsaan dan Simbol Kenegaraan

Malaysia mengamalkan bentuk multikulturalisme yang bersifat terbatas, di mana kepelbagaian budaya diiktiraf namun beroperasi dalam kerangka dominasi identiti Melayu-Islam sebagai asas pembinaan negara. Keadaan ini menunjukkan bahawa multikulturalisme di Malaysia cenderung kepada bentuk yang berteraskan Islam, selaras dengan pengaruh kuat agama tersebut dalam dasar awam dan struktur institusi negara (Pakpahan, 2023). Hal ini kerana populasi majoriti masyarakat di Malaysia adalah penganut agama Islam. Tambahan pula, institusi raja-raja yang berperanan sebagai tonggak pentadbiran tertinggi negara juga beragama Islam sejak era sebelum penjajahan lagi. Justeru, agama Islam adalah agama yang dominan dan telah berasimilasi dengan sejarah pembentukan negara bangsa sejak sekian lama. Keterangan ini diperkukuhkan lagi melalui sokongan akta khas yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Merujuk kepada Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, Islam ialah agama bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Keistimewaan agama Islam diperkuatkan lagi dalam perlembagaan melalui Perkara 12(2) yang mensyaratkan pihak kerajaan untuk memperuntukkan dana awam bagi pendidikan Islam. Dengan ini, agama Islam terus dapat diperkukuhkan serta diajarkan dalam institusi pendidikan awam dengan lebih menyeluruh. Walau bagaimanapun, kebebasan agama tetap terjamin dan masyarakat bukan Islam boleh mengamalkan pegangan agama masing-masing tanpa halangan. Hal ini disokong menerusi akta Perkara 11 yang mensyaratkan kebebasan beragama untuk setiap masyarakat di Malaysia.

Rukun Negara meletakkan prinsip kepercayaan kepada Tuhan sebagai rukun pertama. Berlandaskan konteks ini, agama adalah elemen penyatuan yang mengikat semua kaum dalam konsep perpaduan dan keharmonian serta menjadi simbol bagi identiti nasional masyarakat di Malaysia. Shukri (2023) menyatakan bahawa ketamadunan Islam di Malaysia memainkan peranan besar dalam menyatu padukan seluruh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kaum dan agama. Ambya et al. (2025) juga menyebut tentang pendidikan agama Islam yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti nasional serta memupuk perpaduan sosial di Malaysia. Hal ini kerana intipati agama Islam itu sendiri menekankan konsep perpaduan, toleransi, kesejahteraan serta keharmonian sesama manusia. Kenyataan ini jelas menggambarkan konsep perpaduan di Malaysia yang menerapkan nilai hormat-menghormati, ihsan serta kerjasama dalam setiap bidang meskipun berbeza latar belakang kaum dan agama. Oleh itu, jelaslah bahawa agama Islam sebagai agama persekutuan Malaysia merupakan elemen yang penting untuk diterapkan dalam strategi pemerikasaan identiti nasional di Malaysia.

Selain itu, pengukuhan bahasa kebangsaan merupakan salah satu elemen utama dalam pemerikasaan identiti nasional. Muslim dan Rosadi (2021) menekankan Bahasa Melayu memainkan peranan penting sebagai penyatuan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Oleh itu, Bahasa Melayu diterapkan secara dominan dalam sistem pentadbiran, pekerjaan dan pendidikan negara agar masyarakat yang berbilang kaum mampu menguasai bahasa perpaduan ini dengan baik. Seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan, Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa rasmi kebangsaan negara Malaysia. Berdasarkan akta perlembagaan persekutuan Perkara 152 (1), bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan oleh parlimen. Perlaksanaan ini diperkukuhkan menerusi Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam urusan kerajaan dan pentadbiran awam. Bahasa Melayu digunakan dalam prosiding mahkamah. Justeru, penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat Malaysia amat penting kerana ianya merupakan lambang jati diri sebagai warganegara Malaysia yang unggul. Melalui isu ini,

Ahmad (2004) menegaskan bahasa Melayu mempunyai latar sejarah yang panjang, digunakan dan diperkembangkan sejak sekian lama di rantau ini. Oleh itu, kedudukan bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu tidak wajar dipersoalkan dalam perlembagaan Malaysia.

Secara umumnya, penekanan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak memberi masalah kepada kaum Melayu dan penutur tegar bahasa tersebut. Gill (2005) menyatakan masyarakat bukan Melayu juga tidak menentang keras penggunaan Bahasa Melayu bagi mengelak konflik dan pergaduhan antara kaum. Hanya sebilangan masyarakat bukan Melayu sahaja yang mengalami kesukaran untuk memahami dan bertutur dalam Bahasa Melayu secara fasih. Menerusi perbandingan antara pelajar etnik Melayu dan Cina terhadap penguasaan Bahasa Melayu, pelajar Melayu dilihat lebih menguasai matapelajaran Bahasa Melayu berbanding pelajar Cina (Hamid, 2014). Rekod ini menggambarkan bahawa sebilangan daripada mereka mungkin menganggap penekanan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan mampu menggugat kelangsungan bahasa ibunda kaum bukan Melayu terutama dalam sistem pendidikan. Hal ini secara tidak langsung telah merencatkan pertumbuhan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan pelajar sekolah.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Liana et al. (2024) menekankan bahawa simbol kebangsaan seperti lagu Negaraku seharusnya menjadi alat pengukuhan identiti nasional. Lagu Negaraku sewajarnya dihafal dan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat Malaysia tanpa mengira umur, kaum mahupun agama. Menurut Yan dan Hamzah (2024), lagu Negaraku penting sebagai simbol identiti nasional Malaysia kerana ia berfungsi sebagai lambang politik yang menyatukan rakyat pelbagai kaum serta mampu membangkitkan emosi kebangsaan yang mendalam apabila dimainkan atau dinyanyikan. Oleh itu, lagu Negaraku dijadikan sebagai lagu utama yang dimainkan di dalam acara-acara rasmi seperti di perhimpunan sekolah, hari konvokesyen, majlis kerajaan dan sambutan Hari Kebangsaan. Lagu Negaraku sebagai lambang kebangkitan nasionalisme turut diterjemahkan melalui peranan lagu tersebut di dalam acara sukan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kegagalan rakyat menghayati makna dan nilai sejarah di sebalik lagu tersebut menunjukkan kelemahan dalam sistem sosial dan pendidikan negara. Akibat daripada kelemahan penghayatan dan pemahaman sebilangan masyarakat terhadap makna lagu Negaraku, nilai hormat serta rasa empati terhadap lagu kebangsaan tersebut semakin berkurang (Liana et al., 2024). Insiden penghinaan terhadap lagu kebangsaan yang direkodkan sejak 1957 hingga 2022 membuktikan wujudnya krisis penghargaan terhadap simbol negara yang bersifat integratif dan patriotik. Antara bentuk penghinaan yang sering kali berlaku adalah ketidakpatuhan masyarakat untuk berdiri senyap apabila lagu Negaraku dimainkan. Tindakan ini dianggap sebagai biadab dan jahil terhadap tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia yang merdeka (Gan, 2015). Hal ini mencerminkan kegagalan meletakkan simbol negara sebagai lambang kebersamaan dalam menentukan pembentukan identiti nasional masyarakat pelbagai kaum seperti yang digariskan dalam kerangka Malaysia Madani yang menekankan perpaduan sebagai asas kemajuan negara.

Pemeriksaan Sistem Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu isu yang berperanan dalam membentuk identiti nasional masyarakat seawal peringkat sekolah. Pelaksanaan sistem pendidikan yang sedia ada dilihat sebagai faktor yang memberi kesan terhadap pembentukan identiti nasional. Antara faktor-faktornya adalah penubuhan sekolah vernakular yang menjarakkan jurang perpaduan antara kaum (Jamaluddin, 2011). Pihak kerajaan telah memandang serius akan hal ini dengan melaksanakan dasar baharu yang mampu menyelesaikan isu perpaduan dalam sistem pendidikan. Antara dasar usaha yang dilakukan adalah dengan memperkenalkan Sekolah Wawasan dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PPIP). Walaupun pelbagai dasar pelaksanaan dilakukan, permasalahan ini masih berlaku disebabkan oleh kurangnya pendedahan terhadap budaya bangsa, keterbatasan daya sumber pendidikan dan fokus pengajaran yang hanya dominan kepada pencapaian akademik (Beraoh & Yasin, 2019).

Menurut Ahmad (2024) dalam penulisan bukunya yang bertajuk *Idea Bangsa Idaman dan Sistem Pendidikan di Malaysia*, beliau telah menekankan aspek pembentukan idea bangsa idaman menerusi pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia. Aspek kepelbagaian etnik dan amalan sekolah pendidikan vernakular telah menjadi cabaran penting dalam mengekalkan kesepaduan sosial masyarakat majmuk di Malaysia menerusi sektor pendidikan negara. Kewujudan masyarakat plural kesan daripada penjajahan telah menimbulkan kesukaran untuk membentuk satu idea dan dasar yang sesuai untuk setiap kaum selari dengan matlamat bangsa idaman (Ahmad, 2024). Hal ini kerana, persaingan sentiasa berlaku dalam kalangan masyarakat demi mempertahankan kepentingan identiti etnik masing-masing.

Pengenalan konsep *nation of intent* yang dinyatakan oleh Shamsul (2013) menggambarkan pola masyarakat plural di Malaysia yang jelas dikategorikan mengikut etnik dalam aspek sosial, pendidikan dan ekonomi. Sejak era kolonial, wujudnya konsep bumiputera dan bukan bumiputera bagi membezakan jurang hak sosial bagi setiap etnik di Malaysia. Justeru, terbentuklah sistem sekolah vernakular berasaskan identiti kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India (Ahmad, 2024). Pada awal pembentukan, ketiga-tiga sekolah vernakular tersebut mempunyai sistem tadbir urus dan kepentingan tersendiri khususnya dalam menjaga perkembangan intelektual etnik masing-masing. Setelah mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan digubal dan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan memfokuskan konsep integrasi nasional di setiap sekolah. Meskipun sistem sekolah vernakular masih dikekalkan, beberapa dasar pendidikan kebangsaan dibentuk sebagai panduan dalam menyemai nilai patriotisme kepada setiap pelajar di Malaysia.

Melalui konteks pendidikan masyarakat Melayu, konsep pengajaran berpaksikan nilai Islam dilaksanakan sejak era prakolonial lagi. Masyarakat Melayu menerima pendidikan Islam menerusi konsep pengajaran di pondok dan madrasah. Terdapat juga sebilangan ulamak dan guru yang membuka kelas pengajian di rumah masing-masing. Pengajian Al-Quran telah dilaksanakan di rumah mereka dan dianggap sebagai 'sekolah Islam' yang pertama dengan penekanan kepada pengetahuan kerohanian, akhlak baik serta seni mempertahankan diri (Hashim & Langgulung, 2008). Revolusi pendidikan Islam dan kaum Melayu telah dilaksanakan oleh sebilangan golongan intelektual yang mendapat pendidikan di Mekah dan Mesir. Mereka yang dikenali sebagai Kaum Muda telah memperkenalkan konsep sekolah madrasah yang lebih efisien dan produktif daripada segi pengajaran agama serta akademik. Sistem pendidikan di madrasah mempunyai perbezaan dengan sistem pondok terutamanya daripada segi sistem pembelajaran yang lebih teratur. Hal ini telah memberi impak kepada

masyarakat Melayu khususnya dalam aspek perkembangan minda intelektual serta meningkatkan semangat nasionalisme dalam jati diri masyarakat Melayu.

Selepas negara mencapai kemerdekaan, sistem sekolah agama berteraskan pondok dan madrasah diperkemaskan lagi perlaksanaannya dengan pengubalan beberapa dasar serta akta. Sekolah-sekolah agama di Malaysia juga dibahagikan kepada tiga jenis seperti Sekolah Agama Kementerian Pendidikan (SMKA) yang diletakkan di bawah kelola Kementerian Pendidikan, Sekolah Agama Kerajaan Negeri (SAN) yang ditadbir di bawah Jabatan Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang diuruskan oleh rakyat awam (Ahmad, 2024). Bagi mengekalkan kestabilan pentadbiran sekolah, para pengetua telah diberi latihan bukan sahaja dalam bidang pengajaran malah turut dalam bidang pentadbiran dan pengurusan (Rahman et al., 1993). Struktur kurikulum kebangsaan juga diterapkan dalam setiap pendidikan sekolah agama agar nilai murni kebangsaan dapat disemai seiring dengan nilai agama Islam. Hal ini bertepatan dengan falsafah pendidikan negara yang bertujuan melahirkan insan seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan serta kepatuhan kepada Tuhan. Mohamed (2003) menjelaskan kenyataan tersebut adalah Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang seterusnya menjadi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Pengaruh dan Peranan Media Sosial

Menerusi aspek elemen pengaruh media sosial terhadap pembentukan identiti nasional, Rahim dan Osman (2005) telah mengkaji isi kandungan iklan-iklan di Malaysia yang disiarkan di platform media massa. Secara zahirnya, kebanyakan iklan yang disiarkan memaparkan gaya hidup mewah dan individualistik sekali gus mempromosikan sifat hedonistik yang berorientasikan barat. Ditegaskan bahawa pengiklanan yang disiarkan di media sosial atau massa seharusnya berfungsi sebagai alat komunikasi nilai kebangsaan yang mempromosikan gaya hidup tempatan yang kaya dengan warisan budaya serta budi pekerti luhur. Hal ini sekali gus mampu menjadikan pengaruh media sosial sebagai elemen pembentukan identiti nasional serta berfungsi sebagai platform perpaduan yang progresif. Matlamat ini seiring dengan teras kerangka Malaysia Madani yang berhasrat untuk membentuk rakyat berbudaya dan berakar kepada nilai kebangsaan.

Selain itu, media sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam menyemai semangat patriotisme dan identiti nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya golongan muda. Aayuni dan Nizah (2022) menegaskan kepentingan identiti nasional dalam kalangan golongan muda kerana mereka adalah pelapis kepimpinan negara dan perlu diperkukuh dengan nilai kenegaraan seperti penghayatan sejarah, kesusasteraan, hubungan kaum, adat resam, hak suku kaum dan institusi beraja. Pada era globalisasi ini, media sosial menjadi aset penting dalam mempengaruhi kaum muda terhadap kepentingan identiti nasional. Media sosial pada masa kini wajar digunakan sebagai medium yang berkesan dalam memantapkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi Alpha (Pardi & Abedin, 2024). Dengan bantuan kemajuan teknologi serta kecanggihan media sosial, kaedah penerapan nilai identiti nasional dapat dilakukan secara tidak langsung menerusi persekitaran sosial dan penyebaran maklumat positif bagi membentuk orientasi pemikiran yang rasional.

Secara hakikatnya, penggunaan gajet dan pengaplikasian media sosial telah menjadi rutin wajib bagi generasi baharu terutamanya generasi Z dan Alpha. Hal ini menunjukkan perkembangan minda melalui kecekapan IT dilihat semakin beradaptasi dengan perkembangan intelektual alaf baharu. Oleh itu, pelaksanaan media sosial sebagai tapak integrasi nasional perlu digiatkan secara lebih efisien dan kompeten. Media sosial seperti Facebook, Instagram, Tiktok dan X

seharusnya diaplikasikan sebagai tapak penyebaran maklumat kebangsaan. Kandungan hiburan juga boleh diserapkan di dalam konten berunsurkan kenegaraan bagi menarik minat golongan muda sekali gus mewujudkan potensi yang baik dalam menyebarkan ideologi nasionalisme serta patriotisme (Aayuni & Nizah, 2022). Namun begitu, cabaran globalisasi dan penyebaran maklumat tanpa sekatan sewajarnya ditangani dengan lebih cekap oleh ibu bapa dan agensi kerajaan agar mereka tidak terpengaruh dengan budaya negatif yang menyimpang daripada identiti kebangsaan (Pardi & Abedin, 2024). Hal ini melibatkan kawalan ketat terhadap unsur media, penapisan data dan penyampaian maklumat yang tepat serta sesuai dengan keperluan sasaran golongan muda.

Konsep Kerangka Malaysia Madani

Kerangka Malaysia Madani dijadikan sebagai dasar kebangsaan yang difokuskan dalam kajian ini. Malaysia Madani dilihat sebagai satu tapak integrasi nasional yang berpotensi dalam memperkukuhkan jati diri kebangsaan masyarakat Malaysia. Kerangka ini juga mampu sifat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan menekankan sikap toleransi dan semangat kekitaan bersama. Berlandaskan enam teras utama kerangka Malaysia Madani, pembinaan strategi pemerkasaan identiti nasional dapat dilaksanakan sekali gus membentuk keunggulan jati diri masyarakat Malaysia bersulamkan nilai nasionalisme dan patriotisme yang tinggi.

Pembinaan Masyarakat Madani

Penerapan nilai jati diri dan identiti nasional mempunyai hubung kait dengan konsep masyarakat madani. Konsep ini secara dasarnya menyeru kepada pembinaan masyarakat madani berasaskan prinsip moral, berbeza dengan sekularisme yang sering dikaitkan dengan Barat (Jah, 2022). Menerusi teori ketamadunan dan nilai tradisional, beliau menegaskan kepentingan nilai-nilai seperti kerja keras, rendah hati, dan menghormati kebijaksanaan orang tua dalam menghadapi cabaran pembangunan moden di Asia. Secara dasarnya, konsep masyarakat madani dijelaskan berasal daripada tradisi Islam (Jaafar & Aziz, 2023). Hal ini bertepatan dengan konsep kerangka Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mampu membentuk pembangunan tamadun yang mampan dan sejahtera.

Berdasarkan kajian Zulfiani (2019), konsep masyarakat madani di Malaysia didasari melalui politik Islam. Konsep ini dipengaruhi oleh pemikir revivalis Muslim seperti Maududi, Hasan al-Banna, dan Sayyid Qutb. Menerusi teori masyarakat madani, dapat dijelaskan bahawa pemikiran Anwar Ibrahim mengandungi wawasan yang jelas terhadap pentingnya masyarakat yang mengamalkan keadilan, keihlanan, dan kebenaran dalam semua aspek kehidupan seperti sosio-budaya, ekonomi, dan politik. Sebagai satu bentuk gagasan yang agak baharu dalam pemahaman masyarakat Malaysia terhadap konsep madani, penerimaan sosial terhadap gagasan ini sering menjadi tanda tanya kerana implementasinya masih lagi berada pada tahap yang kurang memberangsangkan (Zulfiani, 2019). Namun begitu, secara konseptualnya kerangka Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah salah satu gambaran penting yang menunjukkan bahawa negara Malaysia menuju kepada wawasan pembinaan tamadun yang maju daripada segi sosial, sahsiah dan moral, politik, ekonomi serta agama.

Dasar Terdahulu sebagai Panduan

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha kerajaan telah dilakukan bagi membentuk identiti nasional dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk. Bagi mengecapi matlamat tersebut, kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar yang berperanan sebagai teras dan tunjang bagi mengukuhkan identiti kebangsaan Malaysia.

Antaranya ialah Rukun Negara, dasar Bangsa Malaysia, slogan 1Malaysia dan sebagainya. Menurut Muis et al. (2012), dasar-dasar tersebut secara keseluruhannya tidak dapat memberi kesan secara komprehensif dalam mengukuhkan identiti nasional masyarakat Malaysia yang berbilang etnik. Hal ini kerana pelaksanaan dasar-dasar tersebut telah menghadapi cabaran struktural, budaya dan psikologi yang mendalam termasuklah warisan sejarah kolonialisme, sistem politik berpaksikan kaum serta dominasi naratif etnosentrik dalam wacana awam. Justeru, kerajaan terkini mengangkat dasar baharu iaitu kerangka Malaysia Madani yang bukan sahaja sebagai simbol politik bahkan menjadi peranan dalam teras pembentukan identiti nasional masyarakat Malaysia.

Bagi memulihkan konsep perpaduan, kerajaan Malaysia telah menggubal Dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Rukun Negara, dan Blueprint Perpaduan Negara yang bertujuan memperkukuh perpaduan (Baharuddin, 2021). Kini, dasar kerajaan terus diperkukuhkan dengan pelaksanaan kerangka Malaysia Madani oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Secara konseptualnya, hubung kait serta kebergantungan antara bahasa kebangsaan dan identiti nasional tidak dapat dinafikan. Di Malaysia, masyarakat bukan Melayu telah menerima bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi bersama tanpa menjejaskan penggunaan bahasa ibunda mereka. Kosa kata Bahasa Melayu juga disesuaikan dengan istilah-istilah baharu dalam disiplin ilmu sains, ekonomi dan teknologi (Muslim & Rosadi, 2021). Dengan ini, peranan bahasa kebangsaan dilihat sangat penting sebagai aset perpaduan. Namun begitu, perbandingan yang meluas perlu dilakukan terhadap negara-negara lain yang terdiri daripada masyarakat pelbagai etnik bagi menilai keberkesanan bahasa kebangsaan terhadap perpaduan negara mereka.

Malaysia Madani Dasar Pembentukan Identiti Nasional

Peranan kerangka Malaysia Madani terus diperkasakan dengan menjadi dasar utama dalam pembentukan perpaduan serta identiti nasional masyarakat Malaysia. Hal ini secara langsung mampu membuang tanggapan negatif dan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap konsep masyarakat madani. Konsep perpaduan di Malaysia turut mengalami proses revolusi daripada kronologi sejarah. Baharuddin (2021) menyatakan konsep kesatuan (*union*) yang lebih kepada pentadbiran dialihkan kepada perpaduan (*unity*) selepas peristiwa konflik etnik 13 Mei 1969. Persengketaan dan jurang perpaduan yang berlaku terjadi disebabkan oleh dasar pecah dan perintah yang pernah dilaksanakan oleh kerajaan British suatu ketika dahulu. Berdasarkan pemerhatian semasa, isu-isu sensitif yang mengakibatkan perbalahan masyarakat majmuk di Malaysia adalah isu kalimah Allah, hak keistimewaan orang Melayu, penghinaan tulisan jawi, hak LGBT, desakan untuk membuka UiTM kepada semua kaum dan cabaran kepada institusi beraja. Seperti mana yang ditegaskan dalam perlembagaan, terdapat tiga aspek utama yang harus dijaga iaitu 3R (*Religion, Royalty, Race*) demi memelihara keharmonian masyarakat pelbagai kaum (Hashim et al., 2025).

Malaysia Madani merupakan dasar kerajaan yang mempunyai kesinambungan dengan dasar-dasar sebelumnya yang turut menekankan nilai ihsan dan kesejahteraan. Menurut Lateh et al. (2024) dalam kajiannya yang bertajuk *Malaysia Madani in the light of islamic Values: Understanding and Acceptance of Malaysians*, konsep Malaysia Madani dirangka berpaksikan nilai-nilai Islam bersifat sejagat yang dihubungkan dengan pelaksanaan dasar kerajaan terdahulu iaitu konsep Islam Hadhari dan Keluarga Malaysia. Hal ini menggambarkan justifikasi bahawa Islam sebagai agama persekutuan yang berperanan penting dalam membentuk identiti nasional di samping membangun sahsiah unggul serta jati diri masyarakat Malaysia. Namun begitu, peranan dan matlamat Malaysia Madani masih lagi kurang difahami

oleh sebilangan masyarakat walaupun daripada kalangan mereka yang berpendidikan tinggi (Lateh et al., 2024).

Cabaran Perlaksanaan Malaysia Madani

Fernandez (2024) dalam kajiannya yang bertajuk, *Legal Experts Colluding With The Political and Economic Elites In Justifying Corruption: The Case Of Malaysia's Madani Government* menyatakan bahawa kerajaan menghadapi tekanan untuk mengimbangi idealisme reformasi dengan keperluan untuk mencapai kestabilan politik berteraskan kepentingan pelbagai kaum. Tambahan pula, tekanan ini turut mempengaruhi beberapa keputusan kerajaan dalam isu-isu sensitif yang melibatkan perundangan negara. Hal ini telah menimbulkan persepsi masyarakat dan membuka ruang kepada ahli politik untuk mempertikaikan agenda Malaysia Madani sebagai kerangka yang mampu memupuk perpaduan masyarakat berbilang kaum. Realiti politik perkauman yang masih menebal di Malaysia secara konseptualnya menyukarkan pelaksanaan dasar Malaysia Madani sebagai pemangkin pemerksaan identiti nasional.

Oleh yang demikian, konsep Malaysia Madani sewajarnya perlu diperjelaskan lagi dengan lebih efektif menerusi media massa dan bahan bacaan ilmiah agar keyakinan rakyat terhadap kerangka Malaysia Madani sebagai teras pemangkin identiti nasional dapat dicapai. Selain itu, sistem pendidikan juga memainkan peranan penting dalam mengangkat dasar kerajaan ini melalui sektor pengajar dan pembelajaran agar para pelajar dan mahasiswa dapat meningkatkan jati diri serta semangat nasionalisme. Seterusnya, golongan muda khususnya yang akan menjadi penerus kemajuan masa depan negara sewajarnya melibatkan diri secara aktif dalam menyokong gagasan kerajaan agar pemerksaan identiti nasional dapat dilaksanakan sejajar dengan matlamat kerangka Malaysia Madani.

Perbincangan

Gagasan Malaysia Madani diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim sebagai kerangka pembangunan negara yang berteraskan nilai kemanusiaan, kesejahteraan, kemampanan, hormat, keyakinan dan ihsan. Konsep ini berakar daripada tradisi pemikiran Islam mengenai *madaniyyah* (kebertamadunan) dan dalam masa yang sama beroperasi dalam struktur negara bangsa moden yang berperlembagaan. Secara teorikalnya, Malaysia Madani bukanlah satu bentuk nasionalisme yang baharu, sebaliknya merupakan kerangka normatif yang memperkukuh orientasi moral dan institusi kebangsaan. Oleh itu, analisis kesejajarannya dengan konsep *'asabiyyah* serta pendekatan *civic nationalism* dan *ethnic nationalism* adalah signifikan bagi memahami pembentukan identiti nasional dalam konteks Malaysia sebagai masyarakat majmuk.

Konsep 'Asabiyyah menerusi Perspektif Ibn Khaldun

Konsep *assabiyyah* yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* adalah asas bagi pembentukan dan kelangsungan kuasa politik. Ibn Khaldun (1967) mentakrifkan *assabiyyah* sebagai solidariti sosial yang lahir daripada ikatan kekeluargaan atau kabilah, namun boleh berkembang kepada solidariti yang lebih luas melalui agama atau kepimpinan politik. Menurut beliau, konsep *'asabiyyah* dijelaskan sebagai tenaga sosial. Kebangkitan serta kekuatan sesebuah kerajaan dipengaruhi oleh pegangan semangat *'asabiyyah* yang utuh. Apabila semangat *'asabiyyah* kian melemah dan masyarakat mula berpecah belah, maka sesebuah kerajaan yang terbina akan runtuh.

Konsep ini bersifat dinamik dan kitaran. Ia tidak statik seperti definisi bangsa dalam *ethnic nationalism* moden. Secara konseptualnya, *assabiyyah* dilihat mampu berkembang daripada

solidariti sempit kepada solidariti universal khususnya melalui agama Islam yang menyatukan pelbagai kabilah di bawah satu kepimpinan. Sebagai contoh, kabilah-kabilah Arab seperti Banu Umayyah dan kaum Quraysh memiliki semangat *'asabiyyah* yang kuat sehingga mampu membentuk satu kumpulan sosial yang dihormati masyarakat sekeliling. Oleh itu, konsep *'asabiyyah* adalah satu bentuk teori yang dapat diterjemahkan kepada pembentukan identiti nasional sesebuah negara khususnya Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Nasionalisme menerusi Perspektif Moden

Nasionalisme secara umum difahami sebagai satu ideologi atau kesedaran kolektif yang menuntut kesetiaan utama individu kepada sesebuah bangsa. Namun demikian, takrif bangsa itu sendiri berbeza mengikut pendekatan teori yang digunakan. Terdapat dua pendekatan teori nasionalisme yang difokuskan dalam kajian ini iaitu *civic nationalism* dan *ethnic nationalism*.

Civic Nationalism

Pendekatan *civic nationalism* melihat bangsa sebagai komuniti politik yang diasaskan kepada kewarganegaraan dan kesetiaan terhadap institusi negara. Menurut Anderson (1983), bangsa ialah *imagined political community* yang dibayangkan sebagai terhad dan berdaulat. Keanggotaan bangsa tidak bergantung kepada keturunan, sebaliknya kepada pengiktirafan politik dan kesediaan menerima nilai bersama. Begitu juga, Gellner (1983) menegaskan bahawa nasionalisme merupakan hasil proses pemodenan yang menuntut keseragaman budaya bagi menyokong sistem politik industri moden. Dalam kerangka teori ini, identiti nasional terbentuk melalui pendidikan, bahasa rasmi dan institusi negara. Antara ciri utama *civic nationalism* ialah: (a) berasaskan perlembagaan dan undang-undang; (b) menekankan kesamarataan hak warganegara; (c) bersifat inklusif; dan (d) keanggotaan bersifat pilihan (*voluntary*). Model teori ini sering dikaitkan dengan negara seperti Perancis dan Amerika Syarikat, di mana identiti nasional diasaskan kepada prinsip republik dan demokrasi. Justeru, teori ini berkait rapat dengan konsep pentadbiran sosial dan politik di Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berperlembagaan.

Ethnic Nationalism

Berbeza dengan pendekatan sivik, *ethnic nationalism* mentakrifkan bangsa berdasarkan keturunan, bahasa, budaya dan memori sejarah bersama. Smith (1991) melalui pendekatan ethno-symbolism menjelaskan bahawa identiti nasional berakar pada mitos asal-usul, simbol kolektif dan pengalaman sejarah yang dikongsi bersama. Antara prinsip yang diketengahkan di dalam teori ini ialah: (a) bangsa mendahului negara; (b) keanggotaan bersifat *ascriptive* (ditentukan sejak lahir); (c) solidariti dibina melalui warisan budaya; dan (d) identiti dianggap relatif stabil. Model ini sering dikaitkan dengan sejarah nasionalisme di Jerman dan beberapa negara Eropah Timur. Kekuatan solidariti etnik dan bangsa menjadi lambang pembentukan negara yang berpegang pada prinsip teori ini.

Kesejajaran Malaysia Madani terhadap Kerangka Teori Identiti Nasional

Konsep *assabiyyah* yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* merujuk kepada solidariti sosial yang menjadi asas kebangkitan dan kelangsungan sesebuah pemerintahan (Ibn Khaldun, 1967). Menurut beliau, kekuatan politik sesebuah negara bergantung kepada tahap kohesi sosial yang mendasari struktur kekuasaannya. Apabila *assabiyyah* melemah, negara akan mengalami kemerosotan. Dalam konteks ini, Malaysia Madani boleh ditafsirkan sebagai usaha memperkukuh solidariti sosial melalui nilai bersama seperti ihsan, hormat dan keyakinan. Jika *assabiyyah* klasik bermula dengan solidariti kabilah yang bersifat primordial, Malaysia

Madani berusaha mentransformasikan solidariti tersebut kepada solidariti kewarganegaraan yang lebih inklusif dan berinstitusi.

Selain itu, pendekatan *civic nationalism* mentakrifkan bangsa sebagai komuniti politik yang diasaskan kepada kewarganegaraan, kesetiaan terhadap perlembagaan dan nilai bersama (Anderson, 1983; Gellner, 1983). Dalam kerangka ini, legitimasi negara berpunca daripada institusi politik dan kontrak sosial, bukan daripada keturunan atau asal-usul etnik. Malaysia Madani menunjukkan kesejajaran yang jelas dengan pendekatan ini kerana ia beroperasi dalam lingkungan Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai sumber legitimasi tertinggi negara. Penekanan terhadap tadbir urus baik, integriti institusi dan kesejahteraan rakyat mencerminkan ciri utama nasionalisme sivik, iaitu pembinaan solidariti melalui institusi perlembagaan dan kesamarataan kewarganegaraan.

Seterusnya, walaupun negara ini cenderung kepada pendekatan sivik, Malaysia Madani tidak menafikan dimensi etno-simbolik dalam pembentukan identiti nasional. Smith (1991) menegaskan bahawa identiti nasional sering berakar pada mitos asal-usul, simbol kolektif dan memori sejarah bersama. Dalam konteks Malaysia, sejarah Melayu-Islam, institusi Raja-Raja Melayu serta kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan merupakan elemen etno-simbolik yang membentuk asas kenegaraan. Malaysia Madani juga tidak menghapuskan dimensi ini, sebaliknya mengimbangkannya dalam kerangka perlembagaan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa identiti nasional Malaysia bersifat sintesis kerana mengiktiraf warisan sejarah setiap etnik sebagai asas simbolik.

Secara keseluruhannya, kesejajaran Malaysia Madani dengan *assabiyyah* dan teori nasionalisme moden menunjukkan bahawa pengukuhan identiti nasional memerlukan integrasi antara dimensi sejarah, budaya dan institusi. Solidariti sosial tanpa institusi dengan tatakelola yang baik akan rapuh, manakala institusi tanpa kohesi sosial akan kehilangan legitimasi. Oleh itu, Malaysia Madani berpotensi menjadi model hibrid yang menggabungkan solidariti sosial (*assabiyyah*), legitimasi perlembagaan (*civic nationalism*) dan kesinambungan simbolik sejarah etnik (*ethnic nationalism*) dalam satu kerangka kenegaraan yang lebih efisien. Justeru, menerusi pendekatan teori nasionalisme dengan kesejajaran kerangka Malaysia Madani, maka pembentukan identiti nasional masyarakat Malaysia berbilang kaum dapat diperkesakan menerusi pengaplikasian elemen yang strategik.

Jadual 1: Perbandingan Konsep ‘*Asabiyyah*, *Civic Nationalism* dan *Ethnic Nationalism*

Aspek	<i>‘Asabiyyah</i>	<i>Civic Nationalism</i>	<i>Ethnic Nationalism</i>
Tokoh	Ibn Khaldun	Benedict Anderson, Ernest Gellner	Anthony D. Smith
Asas	Ikatan kekeluargaan atau kabilah yang berkembang melalui agama dan kepimpinan	Kewarganegaraan serta kesetiaan kepada politik	Keturunan, bahasa, budaya dan perkongsian sejarah bersama
Sifat Identiti	Dinamik dan bersifat kitaran	Dibina melalui proses pendidikan dan pemodenan	Stabil dan berakar daripada sejarah yang panjang
Fokus	Kelangsungan kuasa politik dan kestabilan kerajaan	Pembentukan komuniti politik moden yang inklusif	Pemeliharaan identiti etnik dan kesinambungan budaya
Contoh Negara	Kabilah Arab, Banu Umayyah, Quraysh	Amerika Syarikat, Perancis	Jerman, Jepun

Berdasarkan perbandingan jadual di atas, ketiga-tiga teori nasionalisme iaitu konsep *'asabiyyah*, *civic nationalism* dan *ethnic nationalism* berhubung kait dengan pembentukan identiti nasional di Malaysia. Kesesuaian konsep *'asabiyyah* boleh diterjemahkan sebagai solidariti rentas kaum melalui agama dan kepimpinan nasional. Manakala teori *civic nationalism* dapat diaplikasikan menerusi sistem demokrasi berperlembagaan dan konsep kewarganegaraan yang selari dengan sistem pentadbiran Malaysia. Akhir sekali, teori *ethnic nationalism* pula dilihat sinonim dengan status sosial bangsa Melayu yang dominan dalam perkembangan sejarah tanah air. Namun begitu, sebagai sebuah negara moden yang terbina daripada kepelbagaian masyarakat majmuk, pengaplikasian teori ini secara eksklusif adalah agak terhad.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk meneliti strategi pemeraksanaan identiti nasional dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia dengan menjadikan kerangka Malaysia Madani sebagai asas dan dasar terhadap pembikinan strategi tersebut. Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentukan identiti nasional di Malaysia terbina daripada beberapa elemen penting seperti kolektif sejarah, penggunaan bahasa kebangsaan, kelestarian budaya kaum, pemeliharaan agama dan pengalaman rakyat yang dikongsi sejak negara belum mencapai kemerdekaan lagi. Konsep identiti nasional ditekankan sebagai satu nilai yang berfungsi terhadap penyatuan sosial masyarakat berbilang kaum di Malaysia dengan mengatasi perbezaan etnik, agama dan budaya. Konsep ini disemai melalui semangat kekitaan, pemeraksanaan semangat patriotisme dan peningkatan nilai kebangsaan yang dikongsi bersama (Tohar et al., 2020).

Menerusi kajian ini, terdapat empat elemen utama yang dapat dikenal pasti sebagai asas dalam pemeraksanaan identiti nasional. Antaranya adalah kelestarian budaya dan keistimewaan etnik dengan meningkatkan pemerhatian terhadap pembangunan serta kebajikan setiap kaum di samping mengekalkan keistimewaan warisan Melayu - Islam sebagai asas ketamadunan sejaran dan budaya negara Malaysia (Muhyidin & Badruzaman., 2024). Selain itu, pengukuhan bahasa kebangsaan dan simbol negara dengan mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai alat penyatuan dan lambang jati diri warganegara Malaysia (Muslim & Rosadi, 2021). Elemen seterusnya adalah pemeraksanaan sistem pendidikan negara dengan menekankan integrasi nasional melalui peningkatan kualiti kurikulum sekolah, silibus sejarah dan pendidikan sivik serta agama (Ahmad, 2024). Di samping itu, pengaruh dan peranan media sosial juga menjadi elemen utama pembentukan identiti nasional dengan memainkan peranan sebagai platform efektif serta efisien dalam penyebaran nilai kebangsaan menerusi konten kreatif terutamanya kepada golongan muda (Aayuni & Nizah, 2022).

Dasar kerajaan iaitu kerangka Malaysia Madani yang disejajarkan dengan teori *'asabiyyah*, *civic nationalisme* dan *ethnic nationalism* menambah dimensi baharu dengan merangkumkan nilai ihsan, kesejahteraan dan keadilan berteraskan prinsip kehidupan Islam sejagat. Kerangka ini bukan sahaja kesinambungan daripada dasar-dasar kerajaan terdahulu seperti slogan 1Malaysia, Bangsa Malaysia dan Islam Hadhari malah matlamatnya kini lebih jelas khususnya dalam usaha untuk menangani cabaran struktural politik serta budaya yang mampu menghalang perpaduan (Lateh et al., 2024). Namun begitu, pelaksanaan kerangka Malaysia Madani sewajarnya dipertingkatkan lagi agar cabaran sosial dan politik seperti persepsi negatif politik perkauman serta isu-isu sensitif yang berbangkit dapat ditangani secara rasional dan profesional. Konklusinya, pemeraksanaan identiti nasional memerlukan pendekatan holistik dengan merangkumkan beberapa elemen pembentukan identiti nasional serta disokong oleh

dasar kerajaan yang inklusif. Kerangka Malaysia Madani dilihat sebagai potensi yang besar dalam memangkin perpaduan rakyat menerusi pengukuhan kefahaman antara kaum. Oleh itu, dengan pengaplikasian strategi yang berkesan dengan dibantu oleh dasar kerajaan yang berkualiti, identiti nasional dapat diperkasakan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini adalah di bawah peruntukan geran penyelidikan FRGS/1/2024/SSI06/UKM/02/1, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Penghargaan turut dirakamkan kepada Biasiswa Pascasiswazah Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan bagi menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Aayuni, M. & Nizah, M. A. M. (2022). Pendekatan perang saraf maklumat dalam membentuk identiti nasional golongan muda. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET) 2022, Bandar Baru Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad, H. (2004). Kepustakaan dan bahasa peribumi sebagai faktor kemajuan bangsa. Dlm. Din, M. A. O. (pnyt.). *Dinamika Bangsa Melayu: Menongkah Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, A. (2024). *Idea Bangsa Idaman dan Sistem Pendidikan di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Alatas, S. F. (2013). *Makers of Islamic Civilization: Ibn Khaldun*. New Delhi: Oxford University Press.
- Ambya, R., Erihadiana, M., Priatna, T. & Nasir, T. M. (2025). Modernization and national identity: Quantitative insights into the role of Islamic education in Malaysia. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*, 17(1), 878-893.
- Anderson, B. (1983). *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Baharuddin, S. A. (2021). Sekali air bah, sekali pantai berubah: Evolusi kefahaman mengenai perpaduan di Malaysia. *Akademika*, 91(3), 201-215.
- Beraoh, O. A. & Yasin, R. M. (2019). Penerapan identiti nasional dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid tahun enam sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(3), 57-64.
- Fernandez, K. (2024). Legal experts colluding with the political and economic elites in justifying corruption: The case of Malaysia's Madani government. *Humanities and Social Sciences Communications*, 11(1077), 1-7.
- Frampton, K. (1983). Towards a critical regionalism: Six points for an architecture of resistance. Dlm. Foster, H. (pnyt.). *The Anti-Aesthetic: Essays on Postmodern Culture*, hlm. 16-30. Washington: Bay Press.
- Gan, C. S. (2015). The national anthem: Contested and volatile symbol of post-colonial Malaysia, 1957-69. *South East Asia Research*, 23(1), 61-78.
- Gellner, E. (1983). *Nations and Nationalism*. Ithaca: Cornell University Press.
- Gill, S. K. (2005). Language policy in Malaysia: Reversing direction. *Language Policy*, 4(3), 241-260.
- Hadziq, F. & Muzadi, N. H. (2025). Pembaharuan pemikiran Islam di Timur Tengah dan Asia Selatan serta pengaruhnya terhadap kemerdekaan negara-negara Islam. *Adabuna: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran*, 4(2), 85-108.
- Hall, S. (1992). The question of cultural identity. Dlm. Hall, S., Held, D. & McGrew, T. (pnyt.), *Modernity and Its Futures. Milton Keynes*. Cambridge: Open University Press.
- Hamid, Z. (2014). Faktor persekitaran sekolah dan etnik dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 99-109.
- Hashim, C. N. & Langgulung, H. (2008). Islamic religious curriculum in Muslim countries: The experiences of Indonesia and Malaysia. *Bulletin of Education & Research*, 30(1), 1-19.
- Hashim, N., Hassan, A. R. A., Ismail, S., Opir, H., & Bakar, M. A. (2025). Pengukuhan 3R (Royal, Religion, Race) dari aspek Maqasid Syariah: Berdasarkan Pencapaian IPNAS2022. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10(39), 277-287.
- Hilme, S. M. & Kosman, K. A. (2023). A national identity framework development: Adaptation of indigenous culture in modern contemporary architecture. *Jurnal Kejuruteraan*, 51-6(1), 161-182.

- Ibn Khaldun, A. R. M. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terj. Rosenthal, F. New Jersey: Princeton University Press.
- Ismail, M. M., Hassan, N. A., Abdullah, A., Othman, Z., Yunus, M. M. & Mak Din, H. A. (2021). *Pembentukan etos nasional belia Malaysia: Wadah pembinaan negara-bangsa. AKADEMIKA: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 91(1), 3-14.
- Ismail, M. M., Othman, Z., Hassan, N. A., Abdullah, N. H., Abdullah, A. & Mohamad Zan, U. M. S. (2019). Nation-building among youths in Malaysia: The civic education approach. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2), 390-409.
- Jaafar, N. K. & Aziz, A. (2023). *Epistemologi masyarakat madani dan masyarakat sivil: Mengenal pasti jurang penyelidikan melalui tinjauan literatur sistematik. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), e002552.
- Jah, O. (2024). Islam: A solidarity factor in West African history. *Bangladesh Journal of Integrated Thoughts*, 18(2), 65-84.
- Jamaluddin, M. K. A. M. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1), 33-48.
- Jamil, M. M. (2005). Patriotism in the context of constructing Bangsa Malaysia. Dlm. Hussain, M. (pnyt.). *Belia dan patriotisme Malaysia*, hlm. 23-37. Melaka: Institute Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Lateh, N. H. M., Razak, A., Kurniawan, Y., Mustafa, N. H. & Jamalludin, N. H. (2024). Malaysia Madani in the light of Islamic values: Understanding and acceptance of Malaysians. *ISLAMIYYAT: The International Journal of Islamic Studies*, 46(2), 157-166.
- Liana, S. N., Zainuddin, A. & Mahmood, A. (2024). Significance of *Negaraku* as a national symbol: A review of national identity concept. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 243-253.
- Lim, T., Lee, T., & Zhang, W. (2020). Editorial and critical reflections on the future of identity moments and social media in China and beyond. *Global Media and China*, 5, 215-227.
- Mahfud, C., Astari, R. Kasdi, A. Mu'ammam, M. A., Muiyasaroh & Wajdi, F. (2021). Islamic cultural and Arabic linguistic influence on the languages of Nusantara: From lexical borrowing to localized Islamic lifestyles. *Wacana*, 22(1), 224-248.
- Marzali, A. (2021). Isu ketuanan Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 32(2), 1-16.
- Mohamed, A. K. (2003). *Pengurusan Pendidikan Islam di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhyidin, M. & Badruzaman, I. (2024). The relation of Malaysian Malay Islamic culture to national identity and ideology "Pillar of the Nation". *Kodifikasi: Jurnal Penelitian Islam*, 18(1), 133-152.
- Muis, M. A., Bakar, B. A. M., Rahman, A. A., Zakaria, Z., Noordin, N., Nordin, J. & Yaacob, M. 'A. (2012). Ethnic plurality and nation building process: A comparative analysis between Rukun Negara, Bangsa Malaysia and 1Malaysia concepts as nation building programs in Malaysia. *Asian Social Science*, 8(13), 153-160.
- Muslim, N. & Rosadi, O. (2021). Peranan bahasa dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia dan Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 79-89.
- Mustafa, I. M. (2002). Managing ethnicity and constructing the 'Bangsa Malaysia' (A united Malaysian nation). *Malaysian Management Journal*, 6(1), 99-115.
- Nordin, M. (2022). Keintelektualan masyarakat Johor: Tradisi persuratan merentas zaman. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 83-98.
- Othman, Z. (2008). Nasionalisme dan persoalan identiti politik di sempadan: Kajian kes komuniti Murut Bantul, daerah Nabawan, Sabah. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 1(1), 141-166.
- Oxford English Dictionary*. (2023). National. *OED Online*. Oxford: Oxford University Press.

- Pakpahan. (2023). Islam, ethnicity and the state: Identity politics in Malaysian public policy. *Asia-Pacific Journal*, 7(2), 63-74.
- Pardi, F. & Abedin, N. F. Z. (2024). Media sosial dan semangat patriotisme di kalangan generasi alpha. *ASPIRASI FPP: Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan*, hlm. 23-25.
- Rahim, M. H. A. & Osman, M. N. (2005). Advertising, globalisation and national identity: A content study of advertisements in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 21, 29-42.
- Rahman, I. A., Mohd, A. & Muda, M. Y. (1993). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Ramli, F. N. A. & Wahid, A. (2019). Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14, 35-48.
- Razali, N. A., Suhaimy, K. A. M. & Jaes, L. (2020). Negara-bangsa: Proses dan perbahasan by A. R. Embong. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 5(2), 411-425.
- Shukri, S. (2023). Islamist civilizationism in Malaysia. *Religions*, 14(2), 209; <https://doi.org/10.3390/rel14020209>
- Smith, A. D. (1991). *National Identity*. London: Penguin Books.
- Shamsul, A. B. (2013). Nations-of-intent in Malaysia. Dlm. Tonnesson, S. & Antlov, H. (pnyt.). *Asian Forms of the Nation*, hlm. 323-347. London: Routledge.
- Shamsul, A. B., & Athi, S. M. (2014). Ethnicity and identity formation: Colonial knowledge, colonial structures and transition. Dlm. Weiss, M. (pnyt.). *Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*, hlm. 267-278. London: Routledge.
- Tohar, S. N. A. M., Zakaria, R. M. A. & Razali, W. M. F. A. W. (2020). Aplikasi ‘asabiyyah Ibn Khaldun dan mekanisme pengukuhan semangat kekitaan dalam mendidik generasi muda multi etnik Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 71-82.
- Wiyono, W., & Udayana, A. (2024). Building nationalism through war history. *Indonesian Journal of Applied and Industrial Sciences*, 3(3), 247-262.
- Yan, C. M. & Hamzah, S. A. (2024). Radio Malaysia in 1978: Broadcasting nationalist and patriotic ideas in primary schools through songs. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 21(4), 26-40.
- Zulfiani, A. (2019). Anwar Ibrahim’s political thoughts on civil society and its relevance to politics in Malaysia. *International Journal on Social Science, Economics and Art*, 9(3), 143-157.